

BULETIN IKBN SERI ISKANDAR

EDIS 3 | NOVEMBER 2025

32610 BANDAR SERI ISKANDAR, PERAK

BENGKEL PENGUKUHAN (TEAM BUILDING) KAKITANGAN IKBNSI





PROMOSI KEMASUKAN SESI 1/2026 IKBN SERI ISKANDAR SEMPENA PROGRAM KEMBARA JUMPA ORANG MUDA (KEMBARA JOM) PERINGKAT ZON TENGAH 2025

BESOUT, 2 NOVEMBER 2025 - IKBN Seri Iskandar dijemput untuk mengadakan pameran sempena program Kembara Jumpa Orang Muda (Kembara JOM) Peringkat Zon Tengah 2025 yang diadakan di Felda Besout 3, Sungkai.

Kembara JOM Peringkat Zon Tengah ini merupakan program 3 hari yang menyaksikan beberapa aktiviti utama dijalankan seperti, program anak angkat, program santai anak muda, program brisk walk bersama komuniti setempat dan akhir sekali program Townhall bersama YB Adam Adli, Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

2 orang pegawai IKBN Seri Iskandar bersama-sama 3 orang pelajar hadir ke program ini untuk memberi penerangan tentang peluang pendidikan dalam bidang TVET di IKBN Seri Iskandar terutamanya bagi pengambilan sesi 1/2026.





TAKLIMAT SKIM PERLINDUNGAN KESIHATAN MAKSAK MEDIC CARE (KAD PERUBATAN) DAN SKIM INSURANS BERKELOMPOK MAKSAK IKHTIARI BERSERTA FAEDAH PERSARAAN

RABU, 5 NOVEMBER 2025 - Satu Taklimat Skim Perlindungan Kesihatan MAKSAK Medic Care (Kad Perubatan) dan Skim Insurans Berkelompok MAKSAK Ikhtiari Beserta Faedah Persaraan telah diadakan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar.

Taklimat ini telah disampaikan oleh wakil daripada Mission Hundred Consultancy Sdn. Bhd., iaitu syarikat yang dilantik oleh MAKSAK Malaysia untuk mempromosikan serta menyampaikan maklumat berkaitan dua (2) program perlindungan dan insurans kesihatan berikut:

1. MAKSAK Medic Care (Mediscreen) – Skim Perlindungan Kesihatan (Kad Perubatan)
2. MAKSAK Ikhtiari (MCIS Insuran) dan Simpanan Skim Persaraan – Skim Insurans Berkelompok Komprehensif beserta Faedah Persaraan

Seramai 59 orang pegawai IKBN Seri Iskandar telah hadir bagi mendengar taklimat ini.

Objektif utama taklimat adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pegawai IKBN Seri Iskandar mengenai kepentingan skim perlindungan kesihatan dan insurans, khususnya dalam menghadapi sebarang kemungkinan seperti kemalangan atau kejadian tidak diingini.

Diharapkan taklimat ini dapat meningkatkan kesedaran serta memberikan maklumat tambahan kepada semua pegawai mengenai manfaat yang ditawarkan melalui skim perlindungan kesihatan dan insurans berkelompok di bawah MAKSAK.





MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN IKBN SERI ISKANDAR

SERI ISKANDAR, 5 NOVEMBER 2025 (Rabu) – Perhimpunan bulanan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar bagi bulan November 2025 telah berlangsung dengan jayanya di **Dewan Dato' Maharajalela**, IKBN Seri Iskandar. Majlis dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan institut.

Majlis dimulakan dengan **nyanyian lagu Negaraku**, **lagu Negeri Perak**, serta **bacaan doa**. Seterusnya, hadirin disajikan dengan **tayangan montaj sorotan aktiviti sepanjang bulan Oktober 2025**.

Dalam **ucapan aluan dan amanat Pengarah IKBN Seri Iskandar, Encik Farizul Arizal Bin Abd Rahman**, beliau menekankan kepentingan sikap hormat-menghormati antara pelajar, pengajar dan kakitangan. Beliau turut mengingatkan warga IKBN agar sentiasa menjaga disiplin dan menghargai kemudahan serta harta benda kerajaan semasa berada di dalam kawasan institut.

Majlis diteruskan dengan **bacaan Ikrar Rukun Negara** yang diketuai oleh **Saudara Irfan Syahmi Bin Mohd Khalim**, pelajar jurusan Elektrik.

Selepas itu, majlis menyaksikan **penyampaian Anugerah Kakitangan Terbaik Bulanan** bagi bulan Oktober kepada:

- **Miss Tan Pei Mei**, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG9)
- **Encik Tajul Ridwan Bin Abu Bakar** (S6)

Turut disampaikan ialah beberapa anugerah kecemerlangan lain, antaranya:

- **Anugerah Peperiksaan Terbaik Sesi 1/2025**
- **Anugerah Pelajar Cemerlang (Purata Nilai Gred 3.5 dan ke atas) mengikut Jabatan**
- **Anugerah Ketua Jabatan**
- **Penyampaian sijil kepada pemenang Explorace Rakan Muda Sempena Hari Sukan Negara Peringkat Kebangsaan 2025**
- **Penyertaan dalam International Development, Research and Innovation Exhibition (IDRIE)**

Majlis diakhiri dengan **penyampaian cenderahati daripada Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan (KESKEB) IKBN Seri Iskandar** kepada kakitangan yang menyambut hari lahir pada bulan **September** hingga **Oktober 2025**.

MAJLIS BERSAMA PENGARAH IKBN SERI ISKANDAR

MAJLIS BERSAMA PENGARAH IKBN SERI ISKANDAR

IKBN SERI ISKANDAR, 5 NOVEMBER 2025 - Majlis Bersama Pengarah IKBN Seri Iskandar telah diadakan pada hari Rabu, 5 November 2025 bertempat di **Dewan Dato' Maharajalela** bermula pada jam **10.00 pagi**.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh **Encik Farizul Arizal bin Abd Rahman**, Pengarah IKBN Seri Iskandar, yang telah menyampaikan **amanat penuh semangat** kepada semua warga kerja. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan **mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan**, tidak melanggarnya serta **mengamalkan suasana kerja yang harmoni** dalam kalangan kakitangan.

Semoga ilmu dan nasihat yang dikongsikan dapat **dimanfaatkan sepenuhnya dalam amalan kerja seharian**.

Terima kasih diucapkan atas **kehadiran dan komitmen semua** warga IKBN Seri Iskandar.



TAKLIMAT SKIM PERLINDUNGAN KESIHATAN MAKSAK MEDIC CARE (KAD PERUBATAN) DAN SKIM INSURAN BERKELOMPOK MAKSAK IKTIARI BERSERTA FAEDAH BERSARA

TAKLIMAT SKIM PERLINDUNGAN KESIHATAN MAKSAK MEDIC CARE (KAD PERUBATAN) DAN SKIM INSURANS BERKELOMPOK MAKSAK IKHTIARI BERSERTA FAEDAH PERSARAAN

RABU, 5 NOVEMBER 2025 - Satu Taklimat Skim Perlindungan Kesihatan MAKSAK Medic Care (Kad Perubatan) dan Skim Insurans Berkelompok MAKSAK Ikhtiari Beserta Faedah Persaraan telah diadakan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar.

Taklimat ini telah disampaikan oleh wakil daripada Mission Hundred Consultancy Sdn. Bhd., iaitu syarikat yang dilantik oleh MAKSAK Malaysia untuk mempromosikan serta menyampaikan maklumat berkaitan dua (2) program perlindungan dan insurans kesihatan berikut:

1. MAKSAK Medic Care (Mediscreen) – Skim Perlindungan Kesihatan (Kad Perubatan)
2. MAKSAK Ikhtiari (MCIS Insuran) dan Simpanan Skim Persaraan – Skim Insurans Berkelompok Komprehensif beserta Faedah Persaraan

Seramai 59 orang pegawai IKBN Seri Iskandar telah hadir bagi mendengar taklimat ini.

Objektif utama taklimat adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pegawai IKBN Seri Iskandar mengenai kepentingan skim perlindungan kesihatan dan insurans, khususnya dalam menghadapi sebarang kemungkinan seperti kemalangan atau kejadian tidak diingini.

Diharapkan taklimat ini dapat meningkatkan kesedaran serta memberikan maklumat tambahan kepada semua pegawai mengenai manfaat yang ditawarkan melalui skim perlindungan kesihatan dan insurans berkelompok di bawah MAKSAK.



PAMERAN DAN PROMOSI BERSEMPENA MINGGU HALA TUJU KERJAYA DAN KARNIVAL STEM VOC SMK SENTOSA, KAMPAR

PAMERAN DAN PROMOSI BERSEMPENA MINGGU HALATUJU KERJAYA & KARNIVAL STEM VOC SMK SENTOSA, KAMPAR.

KAMPAR, 13 NOVEMBER 2025 – Institut Kemahiran Belia Negara Seri Iskandar telah mengadakan Pameran Dan Promosi pada 13 November di Sekolah Menengah Sentosa, Kampar Perak sempena Minggu Halatuju Kerjaya dan Karnival Stemvoc Sekolah Menengah Kampar.

Tahniah dan syabas kepada seluruh warga SMK Sentosa, Kampar kerana berjaya menganjurkan Program ini.

Semoga IKBN Seri Iskandar dapat bekerjasama lagi dalam edisi program yang akan datang dan juga diharapkan IKBN Seri Iskandar menjadi sumber inspirasi kepada adik-adik di SMK Sentosa untuk menyambung pengajian dalam bidang TVET.





PROGRAM PEMBANGUNAN E-SUKAN DAN ESPORT IPT NEGERI PERAK

PROGRAM PEMBANGUNAN E-SUKAN DAN PERTANDINGAN SUKAN ESPORT IPT NEGERI PERAK.

Tarikh	: 15 November 2025
Tempat	: Dewan Tun Dr. Ling Liong Sik, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kampar, Perak.
Judul permainan	: FC25 Console & Mobile Legend
Anjuran	: Empire Resources (RIVAL Esport Arena)

Tahniah kepada pasukan MLBB IKBN Seri Iskandar, Perak serta pasukan Console FC25 kerana berjaya meraih tempat ke-8 terbaik dalam Pertandingan E-Sukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Dengan pencapaian ini, mereka telah membuktikan keupayaan sebagai antara pasukan terbaik daripada 20 pasukan IPT yang bertanding.



FESTIVAL SASTERA DAN SENI KANAK-KANAK

SERI ISKANDAR, 15 NOVEMBER 2025 – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak (PPANPK) bersama Kerajaan Negeri Perak telah mengadakan Festival Sastera Dan Seni Kanak-Kanak pada 15 November 2025 bertempat di Perpustakaan Awam, Seri Iskandar Perak.

Objektif Penganjuran festival adalah untuk Menggalakkan Minat Membaca & Budaya Sastera, Membangunkan Kreativiti dan Bakat Kanak-Kanak, Mewujudkan Platform “One-Stop Center” untuk Industri Kanak-Kanak, Menyemarakkan Perpustakaan & Penggunaan Ruang Perpustakaan, Pembangunan Modal Insan & Pembelajaran Sepanjang Hayat, Menyokong Matlamat Negeri Perak (Perak Sejahtera 2030) dan Memupuk Semangat Perpaduan (Sosial & Kebudayaan).

Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Dato’ Khairudin bin Abu Hanipah, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Pengajian Tinggi, Belia Dan Sukan merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak.

IKBN Seri Iskandar turut serta memeriahkan program dengan mengadakan demonstrasi robot serta promosi kemasukan ke IKBN Seri Iskandar untuk sesi 1/2026.

Program ini bukan sahaja memupuk minat membaca dan mencintai sastera sejak usia muda, malah turut memperkaya daya imaginasi serta bakat seni kanak-kanak melalui pelbagai aktiviti interaktif.

**SEKIAN
TERIMA KASIH**